

'Kembali' selepas 129 tahun dibuang negeri

Um- 8/9/2006

Oleh NORLIZA ABD. RAHMAN
(WARTAWAN UTUSAN)

ESOK satu lagi sejarah negara akan dilakar apabila jenazah Orang Besar Jajahan Hilir Perak, Tengku Menteri Ngah Ibrahim dan bapa mertuanya Laksamana Mohamad Amin Alang Duakap tiba di Pangkalan Tentera Laut Diraja (TLDM) Lumut untuk dikebumikan di Perak setelah 129 tahun dibuang negeri.

Jenazah pahlawan Melayu Perak Ngah Ibrahim akan disemadikan di Kompleks Sejarah Matang, Taiping manakala Mohamad Amin di Makam Diraja Perak di Bukit Chandan, Kuala Kangsar.

Sebaik tiba dari Singapura, satu upacara penuh adat istiadat mengikut penghormatan negara sebagai mengenang jasa dan sumbangan mereka yang pernah menentang penjajah akan dilakukan.

Raja Muda Perak, Raja Dr. Nazrin Shah akan mengetuai upacara sambutan dengan diiringi oleh Menteri Besar, Datuk Seri Mohd. Tajol Rosli Ghazali dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Rais Yatim.

Kubur kedua-dua pahlawan itu berjaya dikesan semula pada 4 Ogos 2004 di Singapura selepas satu kajian terperinci mengenainya dilakukan.

Penghormatan perlu diberikan kepada Jabatan Muzium dan Antikuiti, Pesuruhjaya Jabatan Warisan Negara dan beberapa badan sejarah termasuk kerajaan negeri Perak serta anak cucu Ngah Ibrahim dan Mohamad Amin.

Bagaimanapun, kontroversi mula tercetus apabila terdapat laporan bercanggah mengenai kedudukan kubur Ngah Ibrahim yang sebenar kerana ada yang mendakwa beliau dikebumikan di Kampung Dandang, dekat Beruas selepas kembali semula ke Perak secara senyap-senyap.

Pengakuan seorang lelaki Yacob Ngah Ibrahim, 80, yang mendakwa anak bongsu kepada Ngah Ibrahim mencetuskan sedikit kekeliruan walaupun dari segi fakta, Orang Kaya Menteri Paduka Tuan, Datuk Dr. Wan Mohd. Isa Wan Ahmad yang juga piut Ngah Ibrahim lebih tepat kerana mewarisi jawatan yang dipegang oleh moyangnya itu.

Ironinya, untuk membuktikan sejarah proses kajian yang cukup panjang diperlukan dengan disokong oleh fakta-fakta konkrit walaupun mungkin ada pihak tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut.

Mungkin jalan penyelesaian terbaik bagi mengesahkan dakwaan Yacob dan Dr. Wan Mohd Isa ialah melalui ujian profil asid deoksiribonukleik (DNA).

Peranan

Ngah Ibrahim merupakan anak kepada Che Long Jaafar yang memerintah daerah Larut, Taiping, beliau mewarisi pusaka kekayaan bapanya di Larut - jutawan berpengaruh di Perak yang memainkan peranan cukup besar dalam pembangunan ekonomi negeri.

Muncul sebagai anak Melayu pertama membuka perusahaannya melombong bijih timah pada 1840 di kawasan Larut, Matang, Ngah Ibrahim terlibat secara langsung dalam membawa masuk buruh dari China.

Ini kerana beliau memerlukan tenaga buruh yang cukup ramai untuk bekerja di lombong-lombong bijih miliknya dan kesan daripadanya wujudkan kumpulan-kumpulan kongsi gelap.

Berdasarkan fakta sejarah, pergolakan yang berlaku di antara kumpulan kongsi gelap akhirnya mencetuskan Perang Larut Pertama (1861-1862).

Ngah Ibrahim terpaksa membina sebuah rumah besar yang dilindungi kota

yang dipanggil Kota Ngah Ibrahim untuk melindungi harta kekayaannya.

Kota Ngah Ibrahim yang pernah dijadikan sebagai pusat pentadbiran Larut kini dikenali sebagai Kompleks Sejarah Matang, menjadi lokasi tumpuan pelancong dalam dan luar negara yang ingin mengkaji sejarah.

Sudah menjadi tradisi apabila berlaku peperangan, perkara yang tidak boleh dielakkan ialah kerugian - itulah yang berlaku dalam Perang Larut sehingga Sultan Perak ketika itu, Sultan Muazzam Shah memerintahkan Ngah Ibrahim membayar sejumlah ganti rugi.

Sebagai seorang usahawan berpengaruh yang memiliki sejumlah kekayaan, ganti rugi yang mencécah RM17,000 (ketika itu) bukanlah satu bebanan, sebagai balasan-beliau dikurniakan gelaran Orang Kaya Menteri tahun 1864.

Tetapi pergaduhan tercetus sekali lagi pada tahun 1865-1874 di Matang dan bagi menyelesaikan pergaduhan itu, Ngah Ibrahim dan satu puak kongsi gelap terpaksa meminta bantuan Sir Henry Ord di Singapura dan Leftenan Gabenor George W.R Campbell di Pulau Pinang.

Tindakan ini yang menyebabkan pihak Inggeris mula campur tangan di Tanah Melayu, hingga termeterainya Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874 dan seterusnya membawa kepada pendudukan Inggeris di Tanah Melayu.

Ekoran itu, seorang Residen Inggeris pertama James Wheeler Woodford Birch (J.W.W Birch) telah dihantar untuk memerintah Perak.

Kebangkitan rakyat bermula apabila pegawai Inggeris itu gagal memahami adat resam, budaya dan agama orang Melayu sehingga mencetuskan rasa tidak puas hati untuk menentang penjajah.

Datuk Maharajalela yang mewakili sua-

ra sebahagian besar rakyat Perak akhirnya menggunakan orang suruhannya, Si Puntum - lelaki Orang Asli untuk membunuh Birch yang sedang mudi pada 1875.

Akibatnya Datuk Maharajalela dan mertuanya, Pandak Endut, Si Puntum dan beberapa pahlawan Melayu lain menjadi buruan Inggeris dan akhirnya dihukum gantung pada 1877 di Matang.

Ngah Ibrahim dan Mohd Amin tidak pernah dibicarakan, tetapi telah dibuang daerah dan diasingkan ke Pulau Seychelles di Lautan Hindi pada tahun 1877 bersama-sama Sultan Abdullah yang memerintah Hilir Perak.

Ini termasuklah Datuk Syahbandar Uda Maamor kerana mereka dituduh terlibat dengan pakatan membunuh Birch di Pasir Salak bersama-sama pahlawan Perak yang lain seperti Datuk Maharajalela, Datuk Sagor, Pandak Endut, Si Puntum dan sebagainya.

Satu perkara lagi ialah kerajaan juga perlu mengambil inisiatif untuk mencari kubur Uda Maamor yang turut sama dibuang negeri oleh pihak Inggeris.

Perkara ini disuarakan oleh piut Mohamad Amin Alang Duakap, Toh Muda Mohd. Khairi Ahmad Tazalli yang merupakan Orang Besar Jajahan Manjung sangat berharap makam sepupu Mohamad Amin iaitu dapat dicari untuk dikebumikan semula di Perak.

Mohd. Khairi berkata, walaupun gembira dengan penemuan kubur Mohamad Amin, beliau sedih kerana kubur Uda Maamor yang turut dihukum buang negeri ke Pulau Seychelles bersama Ngah Ibrahim dan Mohamad Amin masih tidak ditemui.

Harapannya ialah semua pahlawan Melayu yang telah memulakan satu revolusi untuk menentang penjajahan Inggeris dapat dibawa pulang ke tanah air untuk disemadikan sebagai wira negara.